



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

100 ORANG PELAJAR IPT SERTAI INI WARISAN KITA : MISI SUKARELAWAN SISWA KE SABAH 2024

KOTA KINABALU, 3 September 2024 – Seramai 100 orang pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah terpilih untuk menyertai ‘Ini Warisan Kita : Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah 2024. Majlis *flag off* misi ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin dan dihadiri oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami di Dewan Bankuasi, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Misi Sukarelawan ke Sabah pada tahun ini berlangsung daripada **1 sehingga 18 September 2024**. Sukarelawan akan dihantar ke enam (6) daerah berasingan iaitu **Daerah Penampang, Daerah Kudat, Daerah Kota Belud, Daerah Beaufort, Daerah Papar dan Daerah Kota Kinabalu**. Para pelajar akan melaksanakan beberapa projek utama seperti membaik pulih Kompeni A, Batalion 2, infrastruktur sekolah dan masjid di lokasi yang terlibat. Selain itu, mereka juga akan merancang dan melaksanakan projek berdasarkan enam (6) teras kesukarelawanan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) melalui pemerhatian di lapangan.

Misi Sukarelawan ke Sabah telah diadakan sejak tahun 2015 dan YSS telah menjalankan misi di 36 buah lokasi seluruh Sabah. Dalam tempoh tersebut, YSS telah melatih 608 orang sukarelawan menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman di mana sukarelawan hidup, tidur dan makan bersama komuniti tempatan.

YB Senator Puan Saraswathy berkata “Misi sukarelawan ini adalah satu daripada platform yang penting kerana ia menjadi tapak integrasi nasional individu dari latar belakang yang berbeza untuk bersatu demi matlamat yang lebih besar. Misi Sukarelawan Siswa juga menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti

kesukarelawan agar semangat sukarelawan dipupuk dan dibudayakan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat”.

Tambah beliau lagi, “penyertaan dan penglibatan secara langsung dalam aktiviti yang bertunjangkan kesukarelawan mampu melahirkan para belia yang bersemangat patriotik dan muhibbah yang tinggi”.

Misi ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Ini Warisan Kita di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bertujuan untuk melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara ini meliputi bidang kepelbagaian etnik, bahasa, permainan tradisional, adat resam, makanan serta kesenian dan alat muzik tradisional.

Selain itu, aktiviti kebudayaan dan warisan juga menjadi salah satu elemen penting bagi meningkatkan pemahaman sukarelawan berkenaan dengan kebudayaan di Negeri Sabah.

Kementerian Perpaduan Negara

3 September 2024